



## MAKMAL SIMULASI PEDAGOGI PUSAT PEDAGOGI, PENYELIDIKAN DAN INOVASI

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGGUNAAN MAKMAL

#### DAFTAR MASUK PELAWAT

1. Setiap pelajar dan warga UPSI yang **tidak menetap** di dalam kawasan Fakulti FPM dan Makmal adalah dikategorikan sebagai pelawat.
2. Pelawat **diwajibkan** untuk daftar masuk kehadiran menggunakan **kod QR** yang telah disediakan.
3. Pelawat **diwajibkan** memakai **pelitup muka** yang dibawa sendiri sepanjang berada dalam makmal kerana ruangan yang terhad.
4. Sila buang pelitup muka yang telah digunakan ke dalam tong sampah yang tertutup yang telah disediakan.

#### KAPASITI TERHAD RUANGAN MAKMAL

1. **Kapasiti** asal bagi sesebuah makmal telah **dikurangkan** mengikut kesesuaian saiz makmal tersebut.
2. Sila patuhi **bilangan maksima** pengguna seperti yang telah ditetapkan oleh pihak CPRI.

#### TEMPAHAN PENGGUNAAN MAKMAL

1. Tempahan penggunaan makmal adalah tertakluk kepada **kaedah & peraturan** tempahan makmal sedia ada seperti yang ditetapkan.
2. Tempahan penggunaan makmal hanya dibenarkan untuk waktu bekerja sahaja iaitu **Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi hingga 5.00 petang**.
3. Tempahan bagi penggunaan **diluar waktu pejabat** adalah **tidak digalakkan** namun sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, penggunaan perlu disertai oleh pensyarah bagi menyelia sepanjang sesi penggunaan makmal.